

MUHAMAD NAZRI BIN ABDUL RAHMAN
IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan
Kuala Lipis, Pahang

Sinopsis

Tajuk ini merangkumi konsep wang, sejarah matawang, mengenal wang kertas dan duit syiling Malaysia serta penukaran wang Malaysia dalam denominasi yang berbeza. Selain dari itu, tajuk ini juga akan membincangkan pengiraan melibatkan wang Malaysia, penyelesaian masalah harian melibatkan wang Malaysia.




Hasil Pembelajaran

Setelah selesai membaca modul ini, diharap anda dapat:

1. Menguasai konsep wang.
2. Menenal wang kertas dan duit syiling Malaysia serta simbolnya (RM dan Sen)
3. Menghuraikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi penukaran wang Malaysia dalam denominasi yang berbeza.
4. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pengiraan melibatkan wang Malaysia.
5. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah harian melibatkan wang Malaysia.

KERANGKA KONSEP TAJUK



6.1 Konsep Wang

Wang dapat didefinisikan sebagai apa sahaja barangan yang dapat diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran bagi mendapatkan barang, perkhidmatan atau untuk membayar hutang. Kanak-kanak selalunya mempunyai yang salah tentang konsep wang. Mereka selalunya beranggapan nilai wang mempunyai hubungan yang langsung dengan saiznya. Permainan jual beli menggunakan syiling dan wang kertas palsu adalah lebih meyakinkan sebagai kaedah untuk membantu kanak-kanak memahami bahawa nilai wang tiada kaitan dengan saiznya.

Terdapat banyak cara yang boleh digunakan oleh guru untuk memperkenalkan konsep wang secara semulajadi. Contohnya melalui jual beli di kantin sekolah, aktiviti permainan jual beli di dalam kelas dan sebagainya. Kanak-kanak mesti faham nilai setiap syiling dan wang kertas untuk membolehkan mereka gunakannya dengan cara berhemah.

6.1.1 Kronologi Sejarah Matawang

<i>Tahun</i>	<i>Negara</i>	<i>Penciptaan matawang</i>
Tempoh Barter	Tempat-tempat pra tamadun	Benda-benda digunakan sebagai matawang: lembu, garam, siput cowrie, kulit kerang, gigi paus dan sebagainya.
2000 S.M.	Mesir Purba	Wang berbentuk cincin dibuat daripada emas dan tembaga.
800 S.M.	Lydin (Asia Tengah)	Wang stater dibuat daripada sejenis logam emas bercampur perak.
700 S.M.	Yunani	Wang syiling emas dan wang syiling perak diterbitkan dengan lambang-lambang bandar masing-masing.
700 S.M. 500 S.M.	China	Wang berbentuk bulat dengan lubang di tengah. Wang berbentuk penggali, loceng, pisau dibuat daripada tembaga, emas dan perak.
100 S.M.	Rom	Wang syiling aes grane, denarisu, aquinarius dan sesterisu digunakan di negeri Rom. Gambar-gambar diktator Rom ditunjukkan dalam muka wang syiling mereka.
312 T.M.	Rom Timur	Wang emas bernama solidus dengan beratnya 24 karat mula diterbitkan di bawah pemerintahan Maharaja Constantine.
1000 T.M.	England	Wang syiling 'pound' (£) berasal dari Librum, wang syiling 'shiling' (sh) berasal dari solidus dan wang syiling 'penny' (d) berasal dari denarisu digunakan di England.
Kurun ke-16	Eropah	Wang syiling Jerman bernama 'thaler' (dikenal sebagai 'dollar') menjadi matawang untuk digunakan di beberapa buah negeri di Eropah.
Kurun ke-18	Amerika Syarikat	Wang syiling 'dollar' pertama kali diterbitkan di Amerika Syarikat.

Jadual 6.1

6.1.2 Kronologi Sejarah Matawang di Malaysia

Tahun	Penciptaan Matawang
Tempoh barter	Benda-benda seperti beras, siput cowrie, bijih timah, emas, perak, digunakan sebagai matawang sebelum wang syiling diterbitkan.
Kurun ke-15	Wang syiling dibuat daripada bijih timah dengan tulisan arab mula digunakan di Melaka.
Kurun ke-17	Wang syiling berbentuk ayam jantan, ikan, kambing, kura-kura dan pokok 'syiling' (biasanya dibawa oleh orang kaya) digunakan di beberapa buah negeri di Tanah Melayu. Wang syiling itu biasanya dibuat daripada bijih timah.
Kurun ke-18	Wang syiling bergambar kijang, matahari dengan tulisan Arab digunakan di negeri Kelantan.
1787 – 1788 T.M.	Duit syiling bernilai 1/4¢, 1/2¢ dan 1¢ yang dibuat di India dan duit syiling (perak) yang dibuat di Hong Kong mula digunakan sebagai wang rasmi di negeri-negeri Selat.
1868 T.M.	Duit-duit tembaga bernilai 1/4¢, 1/2¢ dan 1¢ serta duit-duit perak bernilai 5¢, 10¢ dan 20¢ mula diterbitkan di negeri-negeri Selat.
1890 T.M.	Duit syiling perak bernilai 50¢ mula diterbitkan di negeri-negeri Selat
1942 – 1945	Wang kertas Jepun digunakan di Malaya
1946 – 1960	Matawang British seperti wang kertas bernilai \$1.00, \$5.00 dan \$10.00, di samping duit syiling 1¢, 5¢, 10¢, 20¢ dan 50¢, digunakan sebagai wang rasmi di Malaya.
1.6.1960	Duit syiling dan wang kertas dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Matawang.
1961	Wang kertas bernilai \$10.00 mula diterbitkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Matawang.
Julai, 1962	Bank Negara mengambil alih tugas menerbitkan semua jenis wang syiling dan wang kertas untuk kegunaan di Malaysia.

Jadual 6.2



CUBA FIKIR

1. Kenapa dalam sistem barter zaman dahulu, orang rela menukar seekor haiwan dengan siput-siput cowrie?
2. Kenapa sistem barter tidak berterusan sebagai penukaran harta benda pada masa kini?
3. Kenapa duit syiling di merata tempat diperbuat daripada logam seperti emas, perak, dan kuprum?.
4. Sebagai unit pertukaran, wang harus mempunyai beberap ciri seperti bernilai, bertahan lasak dan lain-lain lagi. Nyatakan dua ciri lain.

6.2 Mengenal Wang Kertas dan Duit Syiling Malaysia serta Simbolnya

Matawang Malaysia telah beberapa kali mengalami perubahan. Pengenalan duit syiling Malaysia siri ketiga dan wang kertas Malaysia siri keempat menandakan satu lagi pencapaian penting bagi Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di Malaysia. Setiap siri wang kertas dan duit syiling memaparkan ciri-ciri unik dan tersendiri negara ini. Siri wang kertas dan duit syiling terbaharu ini juga menggabungkan pelbagai inovasi dan ciri keselamatan yang lebih canggih dari segi teknologi berbanding dengan keluaran siri duit syiling dan siri wang kertas terdahulu, masing-masing pada tahun 1989 dan 1996.

6.2.1 Duit Syiling Malaysia Siri Ketiga

Duit syiling Malaysia siri ketiga dilancarkan pada 25 Julai 2011 dan telah berada dalam edaran sejak 16 Januari 2012. Duit syiling baharu dalam denominasi 50 sen, 20 sen, 10 sen dan 5 sen akan secara beransur-ansur menggantikan siri sedia ada yang telah berada dalam edaran sejak tahun 1989. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', duit syiling baharu ini mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan identiti kebangsaan Malaysia. Bahagian hadapan semua duit syiling memaparkan empat belas titik yang mewakili tiga belas buah negeri dan Wilayah Persekutuan, manakala lima garisan mendatar pula melambangkan lima prinsip Rukun Negara, kecuali duit syiling 50 sen. Garisan halus pada motif latar belakang duit syiling 50 sen baharu adalah sebahagian daripada ciri keselamatan. Motif berbeza yang dipaparkan pada bahagian belakang setiap denominasi adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
50 sen 	Sulur kacang

<p>20 sen</p> 	<p>Bunga Melur</p>
<p>10 sen</p> 	<p>Motif Orang Asli</p>
<p>5 sen</p> 	<p><i>Destar Siga</i></p>



Jadual 6.3: Duit syiling Malaysia Siri Ketiga

6.2.2 Wang Kertas Malaysia Siri Keempat

Wang kertas Malaysia siri keempat telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 21 Disember 2011. Sama seperti duit syiling Malaysia siri ketiga, siri wang kertas Malaysia terbaharu ini diilhamkan daripada ciri-ciri Malaysia yang tersendiri. Wang kertas siri ini memaparkan ekspresi tradisional berilhamkan seni dan kraf tangan tradisional, keajaiban alam semula jadi, flora dan fauna, serta ekonomi dan tradisi negara.

Bahagian hadapan kesemua denominasi wang kertas baharu ini mengekalkan potret Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad, serta bunga kebangsaan, iaitu bunga raya *Rosa-sinensis* (dikenali sebagai Bunga Raya dalam kalangan penduduk tempatan) dan corak tenunan tradisional iaitu songket. Reka bentuk depan dan motif berlainan yang dipaparkan pada bahagian belakang wang kertas adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
<p style="text-align: center;">RM100</p> 	<p>Gunung Kinabalu dan pembentukan batu mercu batu kapur di lembah Gunung Api</p>
<p style="text-align: center;">RM50</p> 	<p>Kelapa Sawit dan Bioteknologi</p>
<p style="text-align: center;">RM20</p> 	<p>Penyu Karah dan Penyu Belimbing</p>
<p style="text-align: center;">RM10</p> 	<p>Bunga <i>Rafflesia Azlanii</i></p>

<p style="text-align: center;">RM5</p> 	<p style="text-align: center;">Burung Enggang Badak</p>
<p style="text-align: center;">RM1</p> 	<p style="text-align: center;">Wau Bulan</p>

Jadual 6.4: Wang kertas Malaysia



LAYARI INTERNET

1. Layari internet dan cari maklumat berkenaan sejarah perkembangan wang di dunia.

2. Layari laman web Bank Negara Malaysia berikut dan carikan maklumat mengenai
 - (a) sejarah wang di Malaysia
 - (b) huraian mata wang Malaysia pada siri-siri lepas.

<http://moneymuseum.bnm.gov.my/index.php?ch=2>

Contoh Aktiviti:

Tujuan: Mengenal matawang Malaysia

Guru menyediakan wang syiling sebenar yang bernilai 5 sen, 10 sen, 20 sen, 50 sen, serta wang kertas 1 ringgit, untuk diberikan kepada murid-murid sebagai aktiviti kelas. Murid diminta mengkaji kedua-dua permukaan bagi setiap matawang. Seterusnya guru meminta murid menceritakan tentang ciri-ciri yang serupa dan berbeza bagi setiap keping duit syiling. Bagi wang kertas yang bernilai lebih tinggi seperti 5 ringgit, 10 ringgit, 50 ringgit dan 100 ringgit bolehlah dilaksanakan dengan wang kertas contoh.

Jadual 6.1: Ciri Wang

Jenis Wang	Ciri-ciri Permukaan Hadapan	Ciri-ciri Permukaan Belakang
5 sen		
10 sen		
20 sen		
50 sen		
1 ringgit		
2 ringgit		
5 ringgit		
10 ringgit		
50 ringgit		
100 ringgit		

6.2.3 Simbol Matawang Malaysia

Sebelum 1993, simbol \$ dan ¢ digunakan untuk mewakili nilai watawang Malaysia, contohnya:

\$8.00 mewakili lapan ringgit

50¢ mewakili lima puluh sen


\$6.75 mewakili enam ringgit tujuh puluh lima sen

Sejak tahun 1993, simbol \$ dan ¢ telah ditukar kepada RM (Ringgit Malaysia) dan sen. Contohnya:

\$8.00 → RM8.00

50¢ → 50 sen

\$6.75 → RM6.75



6.3 Penukaran Wang Malaysia dalam Denominasi yang Berbeza

Nilai matawang Malaysia adalah berdasarkan sistem perpuluhan. Contohnya:

- Nilai 20 keping syiling 5 sen / 10 keping syiling 10 sen / 5 keping syiling 20 sen / dua keping syiling 50 sen = sekeping RM 1



- Nilai 10 keping wang kertas RM1 = sekeping wang kertas RM10



10 keping

=



1 keping

- Nilai 10 keping wang kertas RM5 = sekeping wang kertas RM50



10 keping



1 keping

- Nilai 10 keping wang kertas RM10 = sekeping wang kertas RM100



10 keping



1 keping



LATIHAN

Lengkapkan jadual berikut.

Bil	Tulis dalam perkataan	Sen	Ringgit
1	Tujuh puluh lima sen	75 sen	RM 0.75
2		90 sen	
3		135 sen	
4	Tiga belas ringgit dua puluh lima sen		
5	Tiga ratus tujuh puluh tujuh ringgit lima sen		
6			RM 2, 661.50
7			RM 34, 780.85



LATIHAN

1. Huraikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bercorak permainan untuk membimbing murid menukar wang daripada
 - (a) ringgit ke sen
 - (b) sen ke ringgit

6.4 Pengiraan Melibatkan Wang Malaysia

Salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid, khususnya di sekolah rendah adalah untuk melakukan pengiraan melibatkan wang. Antara kemahiran pengiraan yang perlu dikuasai adalah penambahan, penolakan, pendaraban dan pembahagian melibatkan wang.

Lazimnya terdapat beberapa kesilapan yang sering dilakukan oleh murid semasa menjalankan pengiraan melibatkan wang. Antara kesilapan yang sering dilakukan oleh mereka adalah:

- a. Tidak melihat perhubungan RM dan sen dalam bentuk titik perpuluhan maka akan menambah atau menolak tanpa menukar kepada unit sama atau menukar kepada bentuk yang selaras. Contohnya:

$$\mathbf{RM12.45 + RM4 =}$$

Antara kesilapan yang mungkin dilakukan oleh murid adalah

$$\begin{array}{r} \text{RM12.45} \\ + \text{RM4} \\ \hline \text{RM52.45} \\ \hline \end{array}$$

atau

$$\begin{array}{r} \text{RM12.45} \\ + \text{RM} \quad 4 \\ \hline \text{RM12.49} \\ \hline \end{array}$$

Justeru adalah penting kepada guru-guru untuk membimbing murid-murid melihat perhubungan antara RM dan sen dalam bentuk perpuluhan bagi mengelakkan mereka membuat kesilapan semasa melakukan pengiraan.

- b. Menulis dalam bentuk lazim bagi masalah melibatkan RM dan sen. Masalah ini berpunca daripada tahap kefahaman murid yang lemah tentang konsep wang. Selain daripada itu, tahap kemahiran yang rendah tentang penukaran unit-unit wang juga menyumbang kepada masalah tersebut. Lazimnya murid-murid ini akan menulis dalam bentuk lazim untuk melakukan operasi tambah atau tolak dengan tidak mengikut nilai wang. Contoh

$$\mathbf{RM125 - 55 \text{ sen} =}$$

Kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

$$\begin{array}{r} \text{RM125} \\ - \quad \underline{55 \text{ sen}} \\ \hline \text{RM } 70 \end{array}$$

Justeru adalah penting kepada para guru untuk membimbing murid membuat penukaran unit supaya sama terlebih dahulu sebelum menulis dalam bentuk lazim bagi melakukan operasi pengiraan.

6.4.1 Penambahan dan Penolakan Wang

Terdapat dua kemahiran penambahan dan penolakan wang yang perlu dikuasai, iaitu penambahan dan penolakan tanpa mengumpul semula dan dengan mengumpul semula. Contoh:

Tanpa Mengumpul Semula

$$\text{RM } 23.10 + \text{RM } 15.60 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$530 \text{ sen} + 250 \text{ sen} = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 23.10 \\ + \text{RM } 15.60 \\ \hline \text{RM } 38.70 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 530 \text{ sen} \\ + 250 \text{ sen} \\ \hline 780 \text{ sen} \end{array}$$

$$\text{RM } 49.90 - \text{RM } 25.30 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$985 \text{ sen} - 230 \text{ sen} = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 49.90 \\ - \text{RM } 25.30 \\ \hline \text{RM } 24.60 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 985 \text{ sen} \\ - 230 \text{ sen} \\ \hline 755 \text{ sen} \\ \hline \end{array}$$

Melibatkan Pengumpulan Semula

$$\text{RM } 79.40 + \text{RM } 23.70 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$860 \text{ sen} + 370 \text{ sen} = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 79.40 \\ + \text{RM } 23.70 \\ \hline \text{RM } 103.10 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 860 \text{ sen} \\ + 370 \text{ sen} \\ \hline 1230 \text{ sen} \\ \hline \end{array}$$

$$\text{RM } 85.30 - \text{RM } 19.70 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$825 \text{ sen} - 365 \text{ sen} = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 85.30 \\ - \text{RM } 19.70 \\ \hline \text{RM } 65.60 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 825 \text{ sen} \\ - 365 \text{ sen} \\ \hline 460 \text{ sen} \\ \hline \end{array}$$



CUBA FIKIR

Berikut adalah kesilapan yang dilakukan oleh Zaid semasa melakukan pengiraan melibatkan wang:

$$\begin{array}{r} \text{RM}75 \\ - \quad 35 \text{ sen} \\ \hline \text{RM}40 \\ \hline \end{array}$$

Berdasarkan situasi tersebut, sila analisa kesilapan yang telah dilakukan dan cadangkan aktiviti pemulihan yang boleh dijalankan bagi membantu Zaid.

6.4.2 Pendaraban dan Pembahagian Wang

$$\text{RM } 43.70 \times 7 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$795 \text{ sen} \times 3 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 43.70 \\ \times \quad \quad 7 \\ \hline \text{RM } 305.90 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 795 \text{ sen} \\ \times \quad 3 \\ \hline 2\,385 \text{ sen} \\ \hline \end{array}$$

$$\text{RM } 56.80 \div 5 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$960 \text{ sen} \div 4 = \underline{\hspace{2cm}}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 11.36 \\ 5 \overline{) \text{RM } 56.80} \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 240 \text{ sen} \\ 4 \overline{) 960 \text{ sen}} \\ \hline \end{array}$$


Contoh Aktiviti: Permainan Jual Beli

Tujuan: Mempraktikkan pengiraan wang melibatkan operasi asas melalui permainan jual beli

- 1) Murid-murid dibahagikan kepada 5 kumpulan kecil (3-4 orang)
- 2) Seramai lima orang murid dilantik sebagai penjual.
- 3) Setiap kumpulan diberikan sampul surat yang berisi senarai barang yang ingin dibeli dan sejumlah wang RM500.



- 4) Permainan dijalankan berdasarkan stesen. Barang-barang tertentu diletakkan pada setiap stesen bersama harga jualannya seperti berikut:.



6.5 Penyelesaian Masalah Harian Melibatkan Wang Malaysia

Pengajaran tentang wang perlu dilakukan sebagai proses penyelesaian masalah. Proses menyelesaikan masalah boleh dilaksanakan berdasarkan empat langkah Model Polya: memahami masalah, merancang strategi penyelesaian, melaksanakan penyelesaian dan menyemak kembali. Contoh:

Harga sebuah basikal berjenama X adalah RM 280.00. Berapakah harga bagi 4 buah basikal berjenama X yang serupa?

Penyelesaian:

Memahami masalah:

Berapakah harga sebuah basikal?

Apa yang ditanya (Harga 3 buah basikal)?

Merancang strategi penyelesaian:

Harga sebuah basikal = RM 280.00

Harga sebuah basikal adalah penambahan berulang RM 280.00 sebanyak 4 kali.

Atau mendarab harga sebuah basikal dengan 4.

Melaksanakan penyelesaian:

Melaksanakan operasi $RM\ 280.00 \times 4 = RM\ 1\ 120.00$

Menyemak kembali:

Menggunakan jumlah harga 4 buah basikal dibahagi dengan 4 agar mendapat harga sebuah basikal. Pastikan harga sebuah basikal yang diperoleh ialah RM 280.00



LATIHAN:

Farid membayar RM 350.40 sebagai pendahuluan dalam urusan membeli sebuah komputer peribadi. Seterusnya Farid telah membayar lagi sebanyak RM 848.60 lagi bagi mencukupkan bayaran bagi harga komputer peribadi berkenaan. Berapakah harga komputer peribadi berkenaan?

Berdasarkan masalah di atas, rancangkan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membimbing murid menyelesaikan masalah tersebut dengan menggunakan langkah-langkah model Polya.

Guru matematik juga harus memberi masalah wang yang bercorak bukan rutin supaya kemahiran penyelesaian dapat dikembangkan berasaskan pemikiran yang kritis dan kreatif.

Misalnya, berikut adalah satu contoh masalah bukan rutin yang sesuai diberikan kepada murid sekolah rendah.

Dalam tabung duit Swee Meng terdapat sebanyak RM400. Dia telah menyimpan bilangan duit syiling 10 sen, 20 sen dan 50 sen yang sama banyak di dalam tabung duitnya. Berapakah bilangan duit syiling yang disimpan olehnya?



LAYARI INTERNET

1. Layari internet dan cari masalah-masalah bukan rutin berkaitan dengan wang yang sesuai diberikan kepada murid sekolah rendah.



TUGASAN TERARAH

1. Layari laman web berikut: <http://www.primaryresources.co.uk/maths/mathsD2.htm>

Kaji sumber resos pengajaran yang diberikan dan pilih dua aktiviti atau bahan untuk diubahsuaikan bagi mengajar wang di peringkat sekolah rendah Malaysia.



PORTFOLIO

Dokumen atau tugas perlu disimpan dalam portfolio dan diserahkan kepada pensyarah dalam bentuk 'soft' dan 'hard' copy.



RUJUKAN

LAMAN WEB

- 1) http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2011/cp02_001_rencana.pdf
- 2) http://www.bnm.gov.my/microsites/2011/banknotes/index_bm.htm